

# Pak Suhaimi Magi, permata terlindung di negeri bawah bayu

48 15.7.2018 B3



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

**S**UDAH menjadi lumrah manusia, biasanya kita tidak menghargai apa yang kita miliki atau tidak menyedari bahawa kita memiliki sesuatu yang lebih berharga tetapi mengangkat atau menghargai apa yang dipunyai oleh orang lain.

Banyak sudah dibicarakan oleh para pujangga dalam puisi mereka dan ditulis oleh pengarang terkenal dunia. Begitu juga halnya dengan masyarakat tempatan terutamanya mereka yang meminati seni tari dan koreografi.

Seni tari adalah disiplin seni tampak yang dihasilkan melalui pergerakan tercetus dari emosi serta pernyataan sendiri individu serta kumpulan sesebuah masyarakat. Seni tari mula terhasil dari masyarakat purba di seluruh dunia. Negara kita juga tidak ketinggalan dengan tarian yang menggambarkan identiti serta jati diri rakyat Malaysia.

Jika kita terpegun dan terpesona dengan keindahan pergerakan tarian gemalai serta kelincihan mengapung tubuh di lantai dan pentas oleh penari seperti Bapak Bagong Kussudiardja, Ibu Maruti, Faridah Faisal dari Indonesia dan Profesor Mohd Ghouse Nassarudin,

Aida Redza, Marion De Cruz dan Ramli Ibrahim dari Semenanjung, kita juga patut berbangga dengan seorang penari dan koreografer anak tempatan seperti Suhaimi Magi tetapi lebih terkenal dengan panggilan Pak Su oleh teman penari dan juga pelajar-pelajar di Universiti Malaysia Sabah.

Penari Pak Suhaimi Magi anak kelahiran Kampung Angan Angan, Tenom sudah lama berkecimpung dalam dunia tari tempatan dan Nusantara.

Mula berjinak dengan tarian semasa masih anak sekitar tujuh tahun, beliau belajar melalui meniru dan mengikut penari Berdandang dan berjoget pada tahun enam tujuh puluhan. Semasa berada di sekolah rendah beliau mula menyertai kumpulan silat di kampungnya kerana beliau merasakan pergerakan menari sangat membantu melalui pengetahuan gerakan silat yang dipelajarinya dari Wak Kannan seorang guru silat yang terkenal di Tenom ketika itu.

Oleh kerana ingin mendalami seni tari tempatan beliau telah berhijrah dari kampung halaman dan menuju ke ibu negeri Kota Kinabalu di mana beliau tinggal bersama bapa saudaranya yang juga seorang dalang wayang kulit dan juga ketua masyarakat Indonesia di Sabah.

Beliau bermula menjadi penari kumpulan Pelita kemudiannya menganggotai kelab tari Anak Tari Negeri Sabah (ATANAS) di mana beliau berpeluang berinteraksi dengan penari tempatan. Sebelum melanjutkan pelajaran tari di peringkat diploma dan ijazah di Institut Kesenian Indonesia di salah sebuah Institut Kesenian Jakarta, sebuah institut kesenian yang tertua di Indonesia beliau menimba ilmu tari dan pergerakan kontemporari di sana selama hampir



**PENARI dan koreografer Suhaimi Magi.**

sepuluh tahun.

Sebelum berangkat ke luar negara beliau telah bekerja sebagai artis budaya di Kementerian Kesenian Negeri Sabah. Semasa bersama sama menari dengan penari tempatan di KKBS beliau berpeluang mengilapkan bakatnya dengan belajar tari dengan guru tari atau koreografer terkenal tempatan pada tahun 80an seperti Pak Shariff Ahmad Shariff Ismail, Cikgu Nurashid Abdul (Almarhum) dan Kalazan Rabika.

Selepas tiga tahun sebagai artis budaya beliau dianugerahkan dengan biasiswa Yayasan Sabah untuk melanjutkan pelajaran seni tari peringkat ijazah pertama di Intitut Kesenian Jakarta pada tahun 1980an dan mulai dari gedung tari tersebut semasa beliau mengikuti kuliah beliau merasakan mendapat semangat untuk mempertingkatkan lagi bakat yang sedia ada.

Pengaruh yang mantap dari tokoh tokoh tari di Indonesia yang menjadi idola serta pensyarah beliau seperti Paul Kusardi, Karsono, Sardono, Eddy Sediwati dan ramai lagi yang telah berjaya membentuk seorang penari yang serba boleh atau *versatile* dalam diri anak muda dari Sabah ia itu Pak Suhaimi Magi.

Semasa mengikuti kuliah tari di IKJ beliau telah mendapat didikan secara profesional dari tokoh koreografi tersohor di Indonesia dan selepas berjaya menamatkan pengajian ijazahnya, beliau telah dipelawa menjadi penari tetap di Istana Presiden Suharto satu kebanggaan dan penghormatan kepada beliau.

Selama lapan tahun beliau adalah salah seorang penari Malaysia yang menjadi penari Istana Presiden Suharto di Jakarta. Dari Istana Presiden beliau pula telah dipelawa untuk menganggotai kumpulan penari Guntur Sukarno, Elly Kassim penyanyi popular tahun tujuh puluhan di negeri Minangkabau Bukit Tinggi, Padang Indonesia.

Selepas itu beliau juga dipanggil untuk menyertai kumpulan penyanyi Indonesia seperti kumpulan penari penyanyi Rhoma Irama dan ini telah membuka peluang bagi anak Sabah untuk menjelajah seluruh dunia dengan mempersembahkan tarian beliau di bandar raya New York, San Francisco, Jepun, Australia, Asean, Indonesia dan banyak lagi negara yang dilawati semasa mewakili negara Indonesia di pentas antarabangsa. Meneroka dan



**PAK Su menari semasa zaman mudanya.**



**SEMASA acara tarian di Tenom.**

menjelajah dunia dengan menari telah menghalusi keterampilan beliau bukan sahaja mengenali kepelbagaian jenis tarian antarabangsa yang mana telah mempelbagaikan citarasa tarian serta gerak ruang beliau sebagai penari. Setelah mencurahkan kemahiran menari selama hampir empat puluh tahun beliau akhirnya ingin menjadi seorang guru tari atau tokoh koreografi.

Koreografi adalah matlamat setiap penari bertujuan untuk berkongsi pengalaman serta bakat tari dengan belia tempatan. Akhirnya beliau telah dilantik sebagai pensyarah program tari di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan. Sebagai seorang yang berpendidikan Pak Suhaimi sentiasa membuat penerokaan dalam tarian beliau melalui pembacaan yang luas umpamanya beliau membaca buku penulisan William Shatner, Louis Fuller, Martha Graham dan sebagainya bertujuan untuk menyelidiki kemurnian seni kontemporari dengan tarian budaya Malaysia.

Oleh sebab ingin mencurahkan bakti pada tanah air Pak Su telah pulang ke tanahair tanah kelahirannya negeri bawah bayu pada tahun 1988 dan dilantik selama dua tahun menjadi jurulatih tarian di Kementerian Belia dan Sukan Negeri Sabah. Selepas itu beliau

juga menjadi guru tari di Lembaga Kebudayaan Sabah.

Disebabkan semangat untuk memperjuangkan seni tari begitu tinggi beliau telah dilantik sebagai pensyarah di Akademi Seni Kebangsaan kini dikenali sebagai Aswara. Minat beliau terhadap tarian etnik negeri Sabah terserlah dalam diri kerana setiap karya tarian yang dicipta mencapai ratusan buah bilangannya kebanyakannya dihasilkan seperti rentak, komposisi, persembahan, pergerakan biasanya disuntik dengan intipati serta gerakan tarian tradisional seperti tarian Sumazau, Sumayau, Magunatip, Igal-Igal, Limbai, Adai-adai, Berasik dan banyak lagi bagi tujuan memperkasakan komposisi yang unik.

Pak Su merasakan bahawa tarian yang diciptakannya mesti menjiwai semangat dan roh kaum etnik tempatan untuk mendapatkan bentuk serta auran. Oleh sebab berjaya menghasilkan kolaborasi tarian tradisional dan kontemporari Pak Su juga pernah dilantik sebagai eksekutif tarian di Jabatan Seni Persembahan Petronas Kuala Lumpur selama dua tahun.

Kini beliau adalah pensyarah program seni tari di Fakulti Kemanusiaan Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah. Selama bertugas


di universiti beliau telah berjaya menghasilkan ramai pelajar tari tempatan yang menyerlah sebagai penari profesional ada antaranya yang telah mengikuti jejak beliau samada sebagai seorang penari, guru tari mahupun aktivis tari.

Pak Suhaimi juga adalah personaliti yang lemah lembut dan bergaya setiap pergerakan tubuh badan serta lambaian tangan dan langkah kakinya memutikkan sebuah gubahan tarian yang sangat bertenaga dan indah. Beliau umpama permata yang tidak digilap maka kadangkala cahayanya terlindung dari pandangan khalayak.

Oleh sebab itu sepatutnya pihak budaya tempatan dan agensi tertentu mengambil khidmat serta ilmu yang dimiliki beliau bagi menyemarakkan lagi dunia seni tari tempatan.

Beliau juga telah berjaya menganjurkan beberapa persembahan serta pertandingan tarian bertaraf antarabangsa sejak berkhidmat di institusi seperti Aswara, Petronas, Kementerian Belia dan Sukan Sabah dan kini di Universiti Malaysia Sabah.

**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***



**PAK Su ketika beraksi dalam tarian Magunatip.**